

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 5 April 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

FEBRUARI 2024

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 2.0 peratus pada Februari 2024

PUTRAJAYA, 5 April 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Februari 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 2.0 peratus pada Februari 2024 (29,691 tan metrik) berbanding pada Januari 2024 (30,287 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 9.1 peratus (Februari 2023: 27,209 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Februari 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (85.7%) berbanding sektor estet (14.3%).

Jumlah stok getah asli pada Februari 2024 meningkat 11.8 peratus kepada 229,719 tan metrik berbanding 205,498 tan metrik pada Januari 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 92.3 peratus diikuti kilang pengguna getah (7.6%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 55,082 tan metrik pada Februari 2024, meningkat 27.8 peratus berbanding Januari 2024 (43,111 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 52.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Februari 2024 diikuti Jerman (8.9%), Emiriah Arab Bersatu (6.0%), Amerika Syarikat (4.2%) dan India (3.3%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.09 billion pada Februari 2024, meningkat 7.0 peratus berbanding Januari 2024 (RM1.02 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 16.8 peratus (Februari 2024: 684.19 sen sekilogram; Januari 2024: 585.74 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 3.7 peratus (Februari 2024: 604.59 sen sekilogram; Januari 2024: 583.29 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 3.5 peratus hingga 16.6 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 1.9 peratus (daripada USD 1.53/kg kepada USD1.56/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 12.2 peratus (daripada USD1.80/kg kepada USD2.02/kg).


Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Februari 2024, pasaran getah Kuala Lumpur menyaksikan kenaikan harga G.M.M 20 pada paras tertinggi sejak 2017 bagi bulan Februari 2024 iaitu pada harga 773.50 sen/kg. Sentimen pasaran positif dirangsang oleh Ringgit Malaysia yang lemah berbanding *U.S dollar* serta jangkaan bekalan getah yang terhad dari negara pengeluar utama, Thailand kerana cuaca buruk dan wabak penyakit *powdery mildew* (kulat).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Februari 2023, Januari – Februari 2024
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Februari 2023, Januari – Februari 2024
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
5 APRIL 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 5th April 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
FEBRUARY 2024

Malaysia natural rubber production
decreased by 2.0 per cent in February 2024

PUTRAJAYA, 5 April 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, February 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 2.0 per cent in February 2024 (29,691 tonnes) as compared to January 2024 (30,287 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 9.1 per cent (February 2023: 27,209 tonnes). Production of NR in February 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (85.7%) as compared to estates sector (14.3%).

Total stocks of NR in February 2024 increased by 11.8 per cent to 229,719 tonnes as compared to 205,498 tonnes in January 2024. Rubber processors factory contributed 92.3 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (7.6%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 55,082 tonnes in February 2024, increased 27.8 per cent as against January 2024 (43,111 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 52.3 per cent of total exports in February 2024

followed by Germany (8.9%), the United Arab Emirates (6.0%), the United States of America (4.2%) and India (3.3%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.09 billion in February 2024, an increase of 7.0 per cent as compared to January 2024 (RM1.02 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 16.8 per cent (February 2024: 684.19 sen per kg; January 2024: 585.74 sen per kg) while Scrap increased by 3.7 per cent (February 2024: 604.59 sen per kg; January 2024: 583.29 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 3.5 per cent to 16.6 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 1.9 per cent (from USD1.53/kg to USD1.56/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 12.2 per cent (from USD1.80/kg to USD2.02/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in February 2024, The Kuala Lumpur rubber market saw an upsurge in its prices during February 2024 as SMR 20 recorded a new high since 2017 at 773.50 sen/kg. The positive sentiment was boosted by a weaker Ringgit Malaysia against the U.S. dollar and heightened expectations of tight rubber supply from major producer Thailand owing to bad weather concerns and powdery mildew disease outbreak (fungus).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber February 2023, January - February 2024
(‘000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber February 2023, January - February 2024
(‘000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
5 APRIL 2024**